

KETERANGAN PINDAAN

Pindaan		Muka surat/ Klausa / Perenggan	Butir-Butir Pindaan Yang Dibuat	Pindaan Diluluskan Oleh
No	Tarikh			
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				

DOKUMEN TIDAK TERKAWAL

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini menggariskan langkah-langkah dalam menjalankan pemantauan laporan harian denggi yang melibatkan aktiviti kawalan, pendidikan kesihatan dan aduan penyakit bawaan vektor (denggi) dari Pejabat Kesihatan bagi memastikan ianya dijalankan dengan lancar, sistematik dan efisien.

2.0 SKOP

Prosedur ini hanya digunakan oleh pejawat awam Cawangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) yang terlibat dalam pengurusan pemantauan laporan harian denggi JKWPKL&P

3.0 RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti : JKWPKL&P-MK-01

4.0 DEFINISI

4.1 Program Kawalan Vektor

Satu program yang merancang, menyelaras pelaksanaan dan memantau aktiviti-aktiviti bagi mengurangkan morbiditi dan mortaliti penyakit bawaan vektor khususnya Demam Denggi, Malaria, Filaria dan lain-lain penyakit bawaan vektor yang dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. Ia bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan, mencegah penyakit dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.

4.2 Pejabat Kesihatan

Mana-mana Pejabat Kesihatan (PK) yang berada di bawah Pentadbiran JKWPKL&P iaitu PK Cheras, PK Lembah Pantai, PK Kepong, PK Titivangsa dan PK Putrajaya.

4.3 Pemantauan program kawalan vektor di Pejabat Kesihatan

Membuat lawatan penyeliaan di Unit Vektor di Pejabat Kesihatan supaya semua maklumat kes denggi dimasukkan ke dalam sistem eNotifikasi dan Sistem E-dengueV2, dikemaskini diruangan yang perlu dikemaskini di peringkat Pejabat Kesihatan serta mencapai sasaran Pelan Tindakan yang ditetapkan setiap tahun.

5.0 SINGKATAN

5.1 Jawatan

KPPK	-	Ketua Penolong Pengarah kanan
PPK	-	Penolong Pengarah Kanan
AKS	-	Ahli Kaji Serangga
PKP	-	Pegawai Kesihatan Persekitaran
PPKPK	-	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan
PPKP	-	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

5.2 Pentadbiran

JKWPKL	-	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
CKPBV	-	Cawangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
CPRC	-	Crisis Preparedness Response Centre
PK	-	Pejabat Kesihatan
E-notifikasi	-	Laman Web Sistem E-Notifikasi
E-dengueV2	-	Laman Web Sistem E-Denggi

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

6.1 Pemantauan aktiviti kawalan, pendidikan kesihatan dan aduan penyakit bawaan vektor (denggi) melalui kompilasi data dalam sistem eDengue

AKTIVITI/PROSES	TINDAKAN
1. Pengumpulan data dari sistem eDengue di mana Laporan Harian disediakan bagi tarikh aktiviti yang dilakukan pada hari sebelumnya	PPKP
2. Analisa bilangan kes yang telah didaftarkan dari semua Pejabat Kesihatan setiap hari	PPKP
3. Analisa prestasi kawalan vektor di mana data aktiviti kawalan yang dijalankan didapatkan melalui sistem eDengue	PPKP
4. Ulasan kawalan vektor, satu kes atau lokaliti wabak akan penilaian kecekapan dan keberkesanan aktiviti kawalan yang dijalankan	AKS/PPKP
5. Laporan prestasi aktiviti pendidikan kesihatan berkenaan aktiviti pendidikan kesihatan yang dilaksanakan pada tarikh aktiviti	Pegawai Pendidikan Kesihatan
6. Aduan awam yang dibuat dan direkodkan dari segi bilangan	PPKP
7. Semakan akhir dan ulasan	PPK
8. Penghantaran ke CPRC KKM melalui email CPRC JKWPKL&P	PPKP
9. Failkan laporan.	PPKP

7.0 LAMPIRAN

-Tiada-

8.0 REKOD KUALITI

NAMA REKOD	LOKASI	TEMPOH
1. Laporan Harian Denggi JKWPKL&P	CKPBV	3 Tahun
2. Laporan Aktiviti Pendidikan Kesihatan	CKPBV	3 Tahun
3. Rekod Aduan Awam	CKPBV	3 Tahun



DOKUMEN TIDAK TERKAWAL